



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	:	<b>ISLAMIC THEOLOGY</b>
<b>KOD KURSUS</b>	:	<b>DSM1013</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	:	<b>APRIL 2016</b>
<b>MASA</b>	:	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:  
BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Jawab ENAM soalan sahaja dari BAHAGIAN A. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN B.
  - i. Jawab BAHAGIAN A dan B di dalam Buku Jawapan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **ENAM (6)** **SOALAN** sahaja di dalam **Buku Jawapan**.

**SOALAN 1**

Senaraikan ciri perkembangan umum yang dilalui oleh seorang kanak-kanak tadika dan seorang dewasa berusia 60 tahun mengikut dimensi perkembangan fizikal, kognitif, emosi dan sosial yang telah anda pelajari.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Bronfenbrenner melihat persekitaran ekologiikal manusia berdasarkan hubungannya dengan konteks di mana individu itu berinteraksi. Beliau membahagikan persekitaran ekologiikal tersebut kepada lima sistem. Huraikan **LIMA (5)** sistem tersebut.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Huraikan hirarki keperluan manusia yang diperkenalkan oleh Maslow.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Nilai membekalkan orientasi dan kerangkakerja bagi memandu manusia bertingkah laku. Huraikan **TIGA (3)** fungsi utama nilai.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Bagaimanakah globalisasi mempengaruhi kehidupan anda dan keluarga?

(10 markah)

**SOALAN 6**

Bincangkan bagaimana isu kemiskinan boleh dihuraikan dari aspek jangkamasa berlanjutan, skop yang global dan saling berkaitan dengan isu lain.

(10 markah)

**SOALAN 7**

Bincang dengan ringkas impak atau kesan televisyen terhadap perkembangan kognisi anak-anak.

(10 markah)

**SOALAN 8**

Senarai dan bincangkan **EMPAT (4)** kesan negative yang berlaku terhadap mereka yang mengandung sewaktu remaja.

(10 markah)

**SOALAN 9**

Perubahan fizikal, kognitif dan sosioemosi berlaku sepanjang hayat. Bincangkan dan berikan contoh yang berkaitan terhadap perubahan yang berlaku bermula dari peringkat kanak-kanak, remaja dan dewasa.

(10 markah)

**SOALAN 10**

Anda telah mempelajari konsep-konsep asas dalam pendekatan Ekologi Manusia. Tiga aspek yang diberi penekanan dalam memahami sistem individu ialah persekitaran fizikal, personaliti dan komunikasi interpersonal. Huraikan secara ringkas **TIGA (3)** aspek tersebut.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan secara umumnya apa yang di maksudkan dengan fitrah  
(4 markah)
- b. Fitrah semulajadi manusia terbahagi kepada dua aspek. Jelaskan **DUA (2)** aspek tersebut secara ringkas.  
(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Nyatakan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan potensi manusia.  
(2 markah)
- b. Berikan **DUA (2)** contoh rangsangan untuk perkembangan intelek anak peringkat prasekolah.  
(2 markah)
- c. Cuba bincangkan mengapa penting untuk memahami tentang perkembangan fitrah dan potensi manusia?  
(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Nilai merupakan perkara penting yang mempengaruhi hampir kesemua aspek kehidupan kita. Mengklasifikasikan nilai membantu kita bagaimana nilai mempengaruhi kehidupan harian. Nilai boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori. Huraikan **DUA (2)** sahaja dari kategori tersebut.

(4 markah)

- b. Orientasi nilai merujuk kepada pembudayaan nilai murni dalam kehidupan harian. Terdapat lima orientasi nilai yang asas. Nyatakan **TIGA (3)** sahaja dari orientasi nilai tersebut.

(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Jelaskan apa yang anda faham tentang ekosistem keluarga sebagai sistem sosial

(2 markah)

- b. Nyatakan **DUA (2)** faktor andaian yang perlu diteliti dalam memahami ekologi keluarga.

(4 markah)

- c. Fungsi keluarga adalah merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh keluarga yang menyumbang kepada pengekal dan penerusan hidup individu dan keluarga secara keseluruhannya. Lima fungsi keluarga yang boleh dikenalpasti dalam semua kontek budaya. Jelaskan **DUA (2)** daripadanya.

(4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**